



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 1/2016
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Alhamdulillah dengan limpah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua dan dengan berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita memasuki ke tahun baru Masihi 2016 dengan penuh kesyukuran dan semangat yang tinggi untuk terus maju dalam apa jua usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Selaku nadi penggerak jentera Kerajaan dalam pembangunan sosio-ekonomi bangsa dan negara, warga perkhidmatan awam dengan ta'at lagi setia yang tidak berbelah bahagi menjunjung setinggi-tingginya titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Tahun Baru 2016 Masihi.

Kita juga perlu terus beriltizam dan berazam untuk meningkatkan keupayaan dan produktiviti Negara ke tahap yang lebih memberangsangkan bagi menyumbang kepada usaha mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi Negara. Kita juga akan meneruskan usaha untuk memperbaiki apa jua kelemahan dan membuat pembaharuan perkhidmatan awam yang terarah, bermula daripada perubahan minda dan sikap, agar kita lebih efisien, siap siaga, inovatif dan mempunyai tekad bagi melaksanakan program-program pembangunan Negara dengan lebih berjaya, ke arah mencapai matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Sepanjang tahun 2015, berbagai inisiatif kemajuan telah dapat dilaksanakan dengan baik, diterajui bersama oleh berbagai agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, meliputi aspek-aspek dasar, perundangan dan peraturan-peraturan dalam bidang keagamaan, pendidikan, perekonomian, sosial, keselamatan dan kesejahteraan. Pencapaian ini adalah hasil daripada perancangan yang rapi dan kerja keras warga perkhidmatan awam dengan dokongan padu berbagai pihak termasuk sektor swasta dan orang awam.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda menjelang awal tahun Masihi 2016 telah menekankan perkara-perkara berikut:

- Menyeru kepada kita semua untuk terus melipat-gandakan lagi usaha bagi mempertahankan keamanan dan kesejahteraan yang dinikmati selama ini. Baginda mengingatkan supaya kita tidak lalai atau leka dari berhati-hati atau waspada terhadap situasi-situasi yang menjadi duri yang menggugat keamanan dan ketenteraman berpunca dari petualang yang menggunakan senjata minda. Bagi menangkisnya kita mestilah bersikap lebih bijaksana dan menilai semua perkara-perkara atau pemikiran yang boleh memisungkan kita dengan bersandarkan ugama dalam sama mengekalkan keamanan dan kesejahteraan bangsa dan negara.
- Baginda mengingatkan kita untuk terus menangani pembangunan negara dan bergerak ke arah pertumbuhan ekonomi yang mantap dan berdaya saing dalam mengharungi cabaran dan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu. Dengan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kita yang agak lemah, memerlukan kita menggandakan usaha bagi meningkatkan keluaran dalam negara dengan memfokuskan tumpuan kepada usaha mempelbagaikan ekonomi seperti sektor-sektor pertanian atau perikanan, pembuatan, perkhidmatan termasuk perkhidmatan kewangan, pengangkutan, logistik, telekomunikasi, perdagangan, pelancongan dan sebagainya, daripada banyak bergantung kepada Sektor Minyak dan Gas.
- Baginda juga berkali-kali menekankan, betapa pentingnya peningkatan produktiviti di peringkat sektor swasta mahupun sektor awam ke arah meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan mensasarkan pemasaran produk dan perkhidmatan mereka untuk dieksport keluar negara.



- Dalam usaha mempelbagaikan ekonomi dan meningkatkan produktiviti bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi, sektor swasta dan sektor awam perlu terus berganding bahu memperkasakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui penyelidikan dan penggunaan teknologi terkini untuk membantu usahawan-usahawan tempatan mengurangkan kos pengeluaran, lebih berkembang dan bersaing dalam pasaran di dalam mahupun di peringkat antarabangsa. Ke arah membangun PKS yang lebih terarah, kompetitif dan progresif, Baginda telah meluluskan Pusat Perusahaan Kecil dan Sederhana yang bertanggungjawab ke atas perkembangan dan kemajuan PKS.
- Baginda juga amat menekankan betapa pentingnya penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan Industri Hiliran (Downstream Industry), dalam usaha Kerajaan Baginda mempelbagaikan ekonomi negara. Jawatankuasa FDI ini, bertanggungjawab melaksanakan refomasi ekonomi negara yang lebih kompetitif bagi menarik pelabur asing.
- Kerajaan Baginda juga menyediakan infrastruktur penting bagi keperluan asas memajukan ekonomi negara dengan mengunyahahkan Pembinaan Jabatan Temburong yang menghubungkan Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong, dan Talian Penghantaran Elektrik Voltan Tinggi di antara Lumut dengan Kuala Belait.
- Ke arah mendokong pembangunan itu, kita mesti mempunyai sikap serta pemikiran yang lebih progresif kerana kita hanya mempunyai kurang dari dua puluh (20) tahun sahaja lagi tempoh menuju sasaran Wawasan Negara. Ke arah itu, Baginda juga meluluskan penggubalan Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 bagi merealisasikan matlamat Wawasan Brunei, iaitu Masyarakat yang Berpendidikan dan Berkemahiran Tinggi; Kualiti Hidup dan Ekonomi yang Dinamik dan Mapan.
- Warga perkhidmatan awam, sektor swasta dan masyarakat seluruhnya hendaklah sama-sama mendokong matlamat-matlamat strategik yang



digariskan dalam melaksanakan pelan-pelan tindakan untuk mencapai Wawasan Brunei 2035. Bagi menjayakan hasrat itu, kita semua hendaklah mengubah sikap kepada yang lebih rajin berusaha dan berdikari, mengamalkan nilai-nilai disiplin yang terbaik dengan tidak lagi mengharap kepada pemberian atau masih meminta-minta dan mengharap pertolongan orang lain. Dengan memperbaiki diri sendiri, akan dapat membantu meningkatkan sosio-ekonomi bangsa dan ekonomi Negara.

- Ke arah memperkemaskan usaha pembaharuan bagi tahun 2016, adalah menjadi tanggungjawab semua warga perkhidmatan awam untuk mempertingkatkan lagi usaha memudahcara pemberian perkhidmatan yang dapat memberikan kepuasan kepada orang ramai, di samping mengamalkan sikap kerja yang bersendikan nilai-nilai luhur dan hormat menghormati.
- Sebagai jentera kerajaan, perkhidmatan awam selain berani membuat perubahan berterusan, kita perlulah mengamalkan etika kerja yang jujur lagi amanah demi memelihara imej dan keutuhan perkhidmatan awam.
- Demi mencapai perubahan yang bermakna, warga perkhidmatan awam mestilah berusaha dengan lebih gigih, berfikiran positif, pro-aktif, berpandangan jauh dan inovatif, kreatif, mensejajarkan pelaksanaan secara bersepadu, berani membuat keputusan, berintegriti, dinamik serta progresif dengan berpandukan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) dan Negara Zikir, bagi menghasilkan produktiviti dan kecemerlangan kerja yang berkualiti.
- Setiap anggota perkhidmatan awam perlu mengubah budaya kerja yang lebih cekap, efisien, dan bertindak cepat bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik. Mana-mana proses atau prosedur perkhidmatan yang memakan masa yang terlalu lama mestilah diperbaiki, mengurangkan 'red tape' dan mempercepatkan penghasilan. Kita juga mestilah tangkas dalam melaksanakan peraturan-peraturan perkhidmatan awam yang sudah ada bagi meningkatkan disiplin dan kecekapan serta kualiti kerja yang tinggi.



Pada kesempatan ini, Baginda juga menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua lapisan warga perkhidmatan awam termasuk mereka yang bertugas di Kedutaan-Kedutaan Besar dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di luar negara, pasukan-pasukan keselamatan, termasuk mereka yang berkhidmat di sektor swasta, atas komitmen dan usaha gigih semua melaksanakan tugas dan tanggungjawab di sepanjang tahun 2015, khususnya dalam melaksanakan setiap dasar-dasar Negara dengan berkesan. Sumbangan dan sokongan tersebut merupakan dokongan yang amat berharga demi mencapai hasrat murni Baginda agar Negara Brunei Darussalam, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, akan sentiasa menjadi negara "Baldatun, Tayyibatun, Warabbun Ghafur", iaitu negara yang baik (aman makmur), yang mendapatkan keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pengampun.

Selamat Tahun Baru 2016

"JENAYAH DIKEKANG, NEGARA CEMERLANG"

[MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS]

Pmk. Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: (01) JPM/SK/2016

Tarikh: 10 Rabiulakhir 1437

20 Januari 2016